

Emosi beri kesan di media sosial

MEDIA sosial berjaya memainkan peranan sebagai alat transformasi dan pada masa sama ia boleh berunsur positif atau negatif.

Sebagai contoh, platform media sosial dilihat telah membawa perubahan kepada Arab Spring di Asia Barat apabila seorang pemuda bernama Bouazizi bertindak membakar diri untuk memprotes salah guna kuasa pihak kerajaan.

Begitu juga dengan kes



KARTINI

Mohamed Mattar di Sudan yang ditembak mati oleh pihak berkuasa sehingga mendapat perhatian dunia.

Menurut **Timbalan Pengarah, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Kartini Abou Talib @ Khalid** berkata, media sosial begitu berkuasa untuk

memberi naratif baharu tentang isi dunia dan manusia.

"Media sosial telah mencetuskan istilah *citizen*

journalism secara global kerana semua orang yang mempunyai telefon pintar berupaya merakam dan melapor berita semasa sepantas kilat untuk dikongsi di platform tersebut serta menularkannya.

"Apatah lagi dengan sistem teknologi 5G, semua perkara menjadi sepantas pergerakan cahaya," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Tambahnya, media sosial mampu membawa pengaruh positif dan negatif, maka sebagai pengguna kita harus bijak membuat penilaian serta menapis

setiap maklumat tersebut sebelum menyebarkannya atau melakukan tindakan selanjutnya.

Mengulas mengenai kesan tanda pagar (#) Kartini berkata, ia bergantung kepada konteks dan situasi yang berlaku.

"Secara umumnya tanda pagar itu akan terkesan apabila melibatkan emosi sama ada gembira atau marah, kecewa atau motivasi.

"Ia membuktikan simpati dan kasih sayang sesama manusia masih lagi utuh dalam mendepani cabaran teknologi serta media sosial," terangnya.